

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Kerajaan
Sent: Monday, May 29, 2017 12:21 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Prof. Madya Dr. Zaheruddin Bin Othman; Dr. Ahmad Zubir bin Ibrahim; Mohammad Fadzil Bin Din
Subject: PUSAT PENGAJIAN KERAJAAN MENYAMBUT KEDATANGAN RAMADAN DAN MERAIKAN PERPISAHAN



Pusat Pengajian Kerajaan

SCHOOL OF GOVERNMENT

Universiti Utara Malaysia

29 MEI 2017/03 RAMADHAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato/Datin/YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan



SoG ONLINE: 25 Mei 2017. Sempena kedatangan bulan Ramadan, Jawatankuasa Kebajikan dan Keceriaan, Pusat Pengajian Kerajaan telah menganjurkan Majlis Bacaan Yassin pada. Majlis ini diadakan juga bertujuan untuk meraikan pertukaran staf pentadbiran Pusat Pengajian Kerajaan, Puan Habibah Ismail yang akan bertukar ke INASIS Bank Muallamat mulai 1 Jun 2017. Pada masa yang sama, majlis ini turut meraikan pelajar mobiliti berkredit seramai 10 orang dari Universitas Brawijaya, Surabaya di pusat pengajian ini yang akan berakhir pada 16 Jun 2017. Di kesempatan tersebut majlis ini turut meraikan pelajar praktikum di Pusat Pengajian Kerajaan, saudari Nurul Adirah Idzha yang akan tamat menjalani praktikum pada 13 Jun 2017. Majlis ini turut dihadiri para pensyarah dan kakitangan Pusat Pengajian Kerajaan.

Majlis ini dimulakan dengan bacaan Yassin yang dipimpin oleh En. Mohammad Saiful Akram Saad disusuli dengan ucapan dari Timbalan Dekan Pusat Pengajian Kerajaan Dr. Ahmad Zubir Ibrahim. Beliau menjelaskan bahawa aktiviti seumpama ini merupakan aktiviti tahunan yang diadakan oleh pusat pengajian ini. Pada masa yang sama program ini dapat mengukuhkan hubungan silaturahim di antara satu sama lain.

Wakil dari pelajar mobiliti Rodiah Rana Nur turut menyampaikan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Pusat Pengajian Kerajaan khususnya dan Universiti Utara Malaysia amnya di atas layanan dan kerjasama yang diberikan kepada mereka sepanjang berada di sini. Sesungguhnya program mobiliti ini merupakan kenangan terindah bagi mereka, ujanmya lagi.

Di akhir majlis ini, Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, Prof Madya Dr Zaheruddin Othman turut menyampaikan ucapannya kepada pelajar mobiliti dan beliau amat berharap agar para pelajar mobiliti dapat menimba segala ilmu dan pengalaman sepanjang berada disini. Dekan Pusat Pengajian Kerajaan turut menyampaikan cenderahati kepada pelajar berkenaan sebagai tanda kenangan di akhir majlis tersebut.

TAMAT

.....
Daripada:

Pusat Pengajian Kerajaan

UUM College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : 04-9287901/7906 | Faks: 04-9287914 | Email : colgis_ppk@uum.edu.my





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.